

UMP (DILAM NEGERI) MIS 27 SELASA (11/3/14)

Sesuai tuntutan globalisasi terhadap perluasan akses pendidikan

Pahang pergiat budaya inovasi

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofisa@utusan.com.my

KUANTAN 10 Mac - Kerajaan negeri kini sedang mempergiatkan program untuk membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar sekolah dan pemutut institusi pengajaran tinggi (IPT) di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, melalui program itu, sekolah mahupun IPT akan bertindak sebagai agensi pelaksana yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara kreatif bagi melahirkan modal insan inovatif.

"Kita harus sedar bahawa sistem pengajaran kini semakin berubah terutama bagi memenuhi tuntutan globalisasi terhadap perluasan akses pendidikan serta keperluan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran

akses pendidikan serta keperluan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

"Jadi, persaingan kini begitu sengit untuk mendapatkan para pelajar yang berkualiti dalam menyambung pengajaran di peringkat IPT di samping untuk menarik pelajar antarabangsa mengikuti pengajaran di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup Hari Terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2014 di Dewan Kompleks Sukan UMP



ADNAN YAAKOB

Kita harus sedar bahawa sistem pengajaran kini semakin berubah terutama bagi memenuhi tuntutan globalisasi terhadap perluasan akses pendidikan serta keperluan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran

ADNAN YAAKOB
Menteri Besar

Kampus Gambang di sini kelmarin. Tekst ucapan beliau dibacakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar yang merupakan wakil khas Menteri Besar, Datuk Mohd. Shohaimi Jusoh.

Yang turut hadir Pengerusi Lem-

bag Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmey Mohd. Taib; Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Mashitah Mohd. Yusof.

Adnan berkata, dengan adanya

sistem penyampaian berkualiti dan pelajar yang inovatif, kerajaan negeri yakin dapat memberikan sumbangan menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajaran tinggi antarabangsa menjelang 2020.

Sementara itu, beliau berkata, pengajuran program seperti Hari Terbuka UMP itu adalah bertepatan dengan pendekatan baharu kerajaan negeri yang ingin memberi lebih tumpuan kepada aspek pendidikan.

"Inisiatif seperti ini juga amat baik dalam usaha menterjemahkan sesuatu agenda perancangan kepada bentuk pelan tindakan yang dapat diteliti, diperhalusi serta difahami serta mendapat maklum balas daripada orang ramai," katanya.